

- 1 Rajah berikut berkaitan perubahan gelaran yang digunakan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Pengaruh golongan bangsawan
B Penaklukan kerajaan Aceh
C Keluasan wilayah pengaruh
D Kesan kedatangan Islam
- 2 Senarai berikut merupakan lambang kebesaran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- Warna
- Nobat
- Regalia

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

- A Menggambarkan kedaulatan raja
B Melambangkan kekayaan pemerintah
C Menunjukkan kesaktian raja memerintah
D Memperlihatkan salasilah keturunan raja
- 3 Maklumat berikut berkaitan perkembangan idea nasionalisme di Barat.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Mengapakah revolusi tersebut berlaku?

- A Mengukuhkan kuasa tentera
B Mengelakkan penjajahan asing
C Menuntut kemerdekaan wilayah
D Menentang pemerintahan beraja

- 4 Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Harun Aminurrashid• Ishak Haji Muhammad |
|--|

Bagaimanakah tokoh tersebut berjaya meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat?

- A Menubuhkan persatuan politik
 - B Menghasilkan penulisan kreatif
 - C Melahirkan golongan intelektual
 - D Menuntut kemerdekaan wilayah
- 5 Pada tahun 1930-an, muncul golongan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “*the Strait born people*”.
- Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme di negara kita?
- A Mengkritik dasar penjajah
 - B Memperjuang hak sama rata
 - C Membentuk identiti tersendiri
 - D Memajukan kegiatan ekonomi
- 6 Kekejaman tentera Jepun dan kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mencetuskan penentangan penduduk.
- Apakah cara penentangan tersebut?
- A Mengadakan demonstrasi besar-besaran
 - B Menubuhkan Rejimen Askar Melayu
 - C Menubuhkan pasukan Tentera Semut
 - D Melancarkan serangan perang saraf

- 7 Maklumat berikut berkaitan pentadbiran British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

X	Diketuai oleh Gabenor
	Kewarganegaraan melalui prinsip <i>jus soli</i>

Apakah X?


- A Majlis Perundangan Persekutuan
B Pentadbiran Tentera British
C Persekutuan Tanah Melayu
D Gagasan Malayan Union
- 8 Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British?
- I Mengabaikan surat wasiat III Mengatasi kekurangan dana
II Memenuhi desakan pelabur IV Masalah perwarisan takhta
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- 9 Peristiwa berikut berlaku di negara kita pada tahun 1940-an.

20 SEPTEMBER 1947—Parti gabungan PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal dengan meminta semua peniaga menutup kedai mereka.

Mengapakah parti tersebut bertindak demikian?

- A Penjajahan tentera Jepun
B Pengenalan Malayan Union
C Penolakan Perlembagaan Rakyat
D Pembubaran Parti Komunis Malaya

- 10 Apakah faktor yang menjayakan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kekalahan tentera Jepun
 - B Sokongan pentadbir British
 - C Bantahan golongan radikal
 - D Pengaruh negara serantau
- 11 Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Apakah matlamat penubuhan parti tersebut?
- A Membentuk kerajaan yang mantap
 - B Mengekalkan sistem pentadbiran
 - C Menubuhkan negara republik
 - D Menyatukan semua kaum
- 12 Rajah berikut berkaitan dengan Rundingan Baling 1955.



Mengapakah tawaran tersebut ditolak?

- A Ketidaksamaan kaum dalam rundingan
- B Kerajaan tidak mengiktiraf komunis
- C Keganasan ditolak rakyat tempatan
- D Keengganan membayar pampasan

13 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan?

- | | | | |
|----|-------------------------------------|-----|----------------------------------|
| I | Melonggarkan syarat kewarganegaraan | III | Mengkaji hubungan antara kaum |
| II | Mewujudkan keadaan harmoni penduduk | IV | Meningkatkan hubungan diplomatik |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

14 Berikut berkaitan dengan Penyata Razak 1956.

- Kurikulum yang seragam
 - Sistem persekolahan yang sama
 - Bahasa pengantar ialah bahasa Melayu

Apakah teras pembentukan sistem pendidikan tersebut?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Melatih penduduk mentadbir
- C Melahirkan kesedaran politik
- D Mengatasi masalah kemiskinan

15 Apakah kepentingan Pilihan Raya Umum 1955?


- A Mengukuhkan kuasa pemerintahan
- B Memantapkan undang-undang
- C Merintis ke arah kemerdekaan
- D Mengasaskan penubuhan parlimen

- 16 Tokoh berikut merupakan anggota dalam kabinet pertama.

Dato Abdul Razak Hussein

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Membasmi kemiskinan tegar
 - B Melaksana amalan demokrasi
 - C Memajukan sistem pendidikan
 - D Memantapkan sistem pentadbiran
- 17 Gambar berikut berkaitan dengan rundingan ke London pada tahun 1956.




Apakah tujuan utama rundingan tersebut?

- A Mendapatkan kemerdekaan
 - B Membincangkan pilihan raya
 - C Memohon bantuan ketenteraan
 - D Menamatkan ancaman komunis
- 18 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 8 Mac 1956.
- Apakah peranan suruhanjaya tersebut?
- A Melantik ahli kabinet pertama
 - B Merangka perlembagaan merdeka
 - C Memantapkan pentadbiran negara
 - D Mencadangkan tarikh kemerdekaan



- 19 Gambar menunjukkan lambang negara kita.



Siapakah pihak yang meluluskan penggunaan lambang negara tersebut?

- A Menteri Besar
 - B Raja-raja Melayu
 - C Parlimen Malaysia
 - D Yang di-Pertua Negeri
- 20 Pengiktirafan sebagai rakyat membolehkan kita mendapat hak asasi. Apakah hak asasi tersebut?
- A Menyuarakan pendapat
 - B Mencabar perlembagaan
 - C Mengkritik tanpa batasan
 - D Menukar kewarganegaraan
- 21 Penyataan berikut merupakan antara tafsiran berkaitan kedaulatan.

Kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya.

Siapakah tokoh yang membuat tafsiran tersebut?

- A Jean Bodin
- B Ibnu Khaldun
- C Dr. Ismail Abdul Rahman
- D Tun Dr. Mohamed Salleh Abbas

- 22 Bagaimanakah rakyat dapat memastikan perpaduan dikekalkan?
- | | | | |
|----|-------------------------------|-----|---------------------------------|
| I | Menghormati agama dan budaya | III | Menjalinkan hubungan diplomatik |
| II | Mengekalkan kuasa mutlak raja | IV | Menggunakan bahasa kebangsaan |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan pentadbiran di Sarawak.

- Mendapat kuasa daripada Perlembagaan Sarawak
- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha

Maklumat tersebut merujuk kepada

- | | |
|---|------------------|
| A | Majlis Kerja |
| B | Majlis Tertinggi |
| C | Majlis Undangan |
| D | Majlis Negeri |
- 24 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?
- | | | | |
|----|----------------------|-----|-----------------------|
| I | Agama Islam | III | Demokrasi Berparlimen |
| II | Kerajaan Persekutuan | IV | Bahasa Melayu |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |
- 25 Pada tahun 1897, Durbar telah dibentuk seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- Apakah tujuan pembentukan Durbar?
- | | |
|---|-------------------------------------|
| A | Melantik anggota Majlis Raja-Raja |
| B | Membincangkan hal ehwal pentadbiran |
| C | Menguruskan perbendaharaan kerajaan |
| D | Menggubal undang-undang agama Islam |

- 26 Apakah kuasa eksekutif yang diperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agong?
- A Memanggil Parlimen bersidang
 - B Membubarkan Dewan Rakyat
 - C Mengetuai Jemaah Menteri
 - D Melantik Peguam Negara
- 27 Agensi berikut telah ditubuhkan pada tahun 1956 oleh Kerajaan Persekutuan.



Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?

- A Pinjaman kewangan
 - B Pembangunan tanah
 - C Penubuhan koperasi
 - D Penyediaan perumahan
- 28 Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri.
- Apakah tujuan mesyuarat tersebut?
- A Mengukuhkan kuasa pemerintah
 - B Menyeragamkan undang-undang
 - C Menyelaraskan pelaksanaan dasar
 - D Menyelesaikan pertindihan kuasa

- 29 Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British telah mencadangkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.
Mengapakah cadangan tersebut diusulkan?
- A Kepentingan ekonomi
 - B Keseimbangan kaum
 - C Keselamatan rakyat
 - D Kestabilan politik
- 30 Laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berjaya disiapkan pada 14 September 1963.
Apakah implikasi daripada laporan tersebut?
- A Tuntutan Sulu ke atas Sabah dimulakan
 - B Berlaku pemberontakan di Brunei
 - C Konfrontasi Indonesia dilancarkan
 - D Pembentukan Malaysia ditangguhkan
- 31 Apakah kesan krisis perlembagaan yang berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966?
- A Mencetus pergaduhan kaum
 - B Menggugat ekonomi setempat
 - C Membawa kekejaman komunis
 - D Mengancam keselamatan negeri
- 32 Bagaimanakah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) melaksanakan tanggungjawab bagi mengawal ketenteraman negara selepas Peristiwa 13 Mei 1969?
- A Menguatkuasakan Akta Hasutan
 - B Meminta bantuan negara serantau
 - C Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah
 - D Menandatangani perjanjian pertahanan

33 Bagaimanakah Laporan Rahman Talib 1960 dapat mewujudkan perpaduan?

- A Menekankan bidang komunikasi
- B Menyeragamkan sistem kurikulum
- C Mewujudkan kursus aneka jurusan
- D Mewajibkan pendidikan kerohanian

34 Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara?

- | | | | |
|----|------------------------------|-----|-------------------------------|
| I | Melahirkan rakyat progresif | III | Memberi kebebasan mutlak |
| II | Menyemai semangat kenegerian | IV | Mewujudkan masyarakat liberal |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

35 Mengapakah Rancangan Buku Hijau dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974?

- A Menstabilkan harga komoditi
- B Membangunkan tanah baharu
- C Meningkatkan pendapatan rakyat
- D Menggalakkan penanaman semula

36 Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

- | | | | |
|----|------------------------|-----|----------------------------------|
| I | Keperluan tenaga buruh | III | Kebijaksanaan seseorang pemimpin |
| II | Ikatan sejarah negara | IV | Implikasi kewangan dunia |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

- 37 Malaysia menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel sejak tahun 1951. Apakah manfaat rancangan ini kepada negara kita?
- A Mendapat pengiktirafan dunia
 - B Menerima bantuan pertahanan
 - C Memperoleh kemudahan kredit
 - D Menangani masalah kemiskinan
- 38 Bagaimanakah Malaysia menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul menerusi Pertubuhan Kerjasama Islam atau The Organisation of Islamic Cooperation (OIC)?
- A Membuka pejabat perwakilan
 - B Memberi bantuan kewangan
 - C Menyertai misi pengaman
 - D Menjadi tentera pemerhati
- 39 Bagaimanakah Malaysia menangani krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 hingga 1998?
- A Menerima bantuan kewangan luar
 - B Menyekat kemasukan pelabur asing
 - C Menambat kadar pertukaran ringgit
 - D Mendorong penjualan semula saham
- 40 Maklumat berikut berkaitan usaha mengatasi masalah global.

- Deklarasi Agenda 21
- Protokol Kyoto 1997

Apakah isu berkaitan usaha tersebut?

- A Kestabilan sosiopolitik
- B Kelestarian alam sekitar
- C Pengukuhan pertahanan
- D Pemerdagangan manusia